

## **KEMPEN PENGGUNAAN KAD BMMB (“Kempen”)**

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **Penganjuran dan Kelayakan**

1. Kempen ini dianjurkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad “BMMB” (Penganjur) (No Syarikat 6175-W).
2. Kempen ini terbuka kepada pemegang kad BMMB yang baru dan sedia ada yang bermastautin di Malaysia.
3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun individu BMMB dan kelayakan umur adalah lapan belas (18) tahun dan ke atas.
4. Akaun pelanggan masih sah dan aktif ketika tempoh kempen.
5. Warga kerja (tetap dan/atau kontrak) dan ahli keluarga warga kerja Bank Muamalat adalah tidak layak.

#### **Tempoh Kempen**

1. Tempoh sah kempen adalah dari jam 0001 pada 01 Disember 2016 sehingga jam 2359 pada 28 Februari 2017.
2. Bank berhak menukar atau meminda tarikh dan tempoh kempen ini sekiranya perlu.

#### **Kriteria Kempen**

1. Pemegang kad perlu melakukan transaksi minima RM50.00 untuk menyertai kempen ini.
2. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan kepada transaksi yang telah diluluskan dan berjaya sahaja.
3. Tiada borang penyertaan atau slogan yang diperlukan bagi kempen ini.

#### **Mekanism Kempen**

Kategori	Kriteria	Hadiah
Pemenang Harian	Setiap penggunaan kad yang ke 1000, 2000, 3000 dan seterusnya untuk hari tersebut.	Berpeluang memenangi wang tunai RM100.00 bagi setiap pemenang.
Pemenang Bulanan	i) 1 X Perbelanjaan Tertinggi pada setiap bulan ( <i>dalam Ringgit Malaysia</i> )	i) Berpeluang memenangi wang tunai RM1,500.00 bagi pemenang.

	ii) 1 X Kekerapan Tertinggi pada setiap bulan ( <i>jumlah transaksi</i> )	ii) i) Berpeluang memenangi wang tunai RM1,000.00 bagi pemenang.
Hadiah Utama	i) 1 X Perbelanjaan Terkumpul yang Tertinggi ( <i>dalam Ringgit Malaysia</i> )  ii) 1 X Kekerapan Terkumpul yang Tertinggi ( <i>jumlah transaksi</i> )	i) Berpeluang memenangi Paket Umrah/Percutian untuk 2 orang yang bernilai RM15,000.00.  ii) Berpeluang memenangi Paket Umrah/Percutian untuk 2 orang yang bernilai RM15,000.00.

### **Lain-lain Maklumat**

1. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi "Customer Care" kami di talian 1300-88-8787 atau hadir ke cawangan yang berhampiran.
2. Jika berlaku apa-apa pertikaian atau perclanggahan di antara terma dan syarat di dalam versi Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Malaysia ini, maka terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.
3. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat BMMB yang telah ditetapkan.
4. BMMB berhak menarik balik, membatal, menangguh, melanjut atau menamatkan kempen ini dan berhak menamatkan kempen terdahulu mahupun dalam keseluruhan atau sebahagian dan BMMB berhak untuk mengubah, menambah, memansuh, meminda dan/atau mengubahsuai mana-mana terma dan syarat ini dari masa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya selama 21 hari dan notis akan dipaparkan melalui laman sesawang BMMB iaitu [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) dan/atau melalui sebarang media yang BMMB fikirkan sesuai.
5. Hadiah Utama adalah Paket Umrah/Percutian yang bernilai RM15,000.00 (untuk 2 orang pemenang, iaitu; i) penggunaan terkumpul yang tertinggi dan ii) kekerapan terkumpul yang tertinggi).
6. BMMB berhak untuk menggantikan hadiah kempen dengan mana-mana hadiah yang mempunyai nilai yang sama jika diperlukan.
7. Hadiah wang tunai akan dikreditkan ke dalam akaun BMMB pemenang.
8. Pemilihan pemenang adalah muktamad. Sebarang surat-menyerat, bantahan, dan rayuan tidak akan dilayan.
9. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas atau panggilan telefon atau lain-lain kaedah yang dirasakan bersesuaian.
10. Pemenang layak untuk memenangi lebih daripada satu (1) hadiah semasa dalam tempoh kempen tertakluk kepada satu (1) kategori untuk setiap bulan dan satu (1) kategori untuk

- hadiah utama.
11. Jika terdapat beberapa pemenang yang mempunyai persamaan bagi jumlah penggunaan yang tertinggi atau kekerapan yang tertinggi, pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan pertimbangan pihak bank.
12. Yang berikut adalah dianggap sebagai "Urus Niaga Runcit Yang Layak" untuk tujuan Kempen ini:
- i) Urus Niaga Runcit yang berasaskan tanda tangan
  - ii) E-Debit/Urus Niaga Runcit yang berasaskan PIN
  - iii) Urus Niaga E-dagang/Pembelian atas Talian/Pesanan menerusi Pos atau Telefon.
13. Yang berikut **TIDAK** akan diambil kira sebagai "Urus Niaga Runcit yang Layak" untuk tujuan Kempen ini:
- i) Urus niaga menerusi ATM (merangkumi pengeluaran tunai, pindahan dana dan deposit tunai);
  - ii) Arahan Tersedia (arahan untuk membayar jumlah yang tertentu secara berkala kepada seseorang/sesebuah organisasi);
  - iii) Sebarang yuran dan caj yang dikenakan oleh bank (merangkumi dan tidak terhad kepada Yuran Tahunan, Caj Pengeluaran Tunai); dan
  - iv) Urus niaga runcit yang dipertikaikan, tidak dibenarkan atau yang bersifat penipuan.

**-TAMAT-**